

Kemahiran Budaya dalam Kalangan Bakal Guru: Asas Persediaan untuk Mengajar Murid yang Pelbagai Etnik dan Budaya

(Cultural Competence among Pre-service Teachers: A Basic Preparation to Teach Students from Diverse Ethnic and Cultural Background)

Yasmin Ahmad^{1*}, Nang Nashirah Nik Dahalan¹, Adila Ismail¹, Huzili Hussin¹,
Mohammad Rezal Hamzah¹

¹ Jabatan Komunikasi, Fakulti Perniagaan dan Komunikasi, Universiti Malaysia Perlis (UniMAP), Malaysia

* Corresponding Author: yasminahmad@unimap.edu.my

Received: 30 October 2024 | Accepted: 7 December 2024 | Published: 15 February 2025

DOI: <https://doi.org/10.55057/ijares.2025.7.1.13>

Abstrak: Sebagai sebuah negara yang mempunyai kepelbagaian etnik dan budaya, kemahiran budaya adalah salah satu aspek penting yang perlu ada di dalam diri bakal guru untuk mengajar murid daripada pelbagai budaya. Bakal guru perlu mempunyai tahap kemahiran budaya yang tinggi supaya setiap sesi pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas dapat menarik minat murid dan tidak berlaku bias, seterusnya dapat menjadikan sesi pengajaran di dalam kelas lebih efektif dan responsif terhadap kepelbagaian budaya yang wujud. Kajian ini bertujuan untuk meneroka kemahiran budaya dalam kalangan bakal guru sebagai asas persediaan untuk mengajar murid daripada pelbagai etnik dan budaya di sekolah kelak. Pendekatan kualitatif digunakan melalui kaedah temu bual secara mendalam. Kajian ini melibatkan temubual secara mendalam dengan sepuluh pelajar tahun akhir program pendidikan serta enam pensyarah serta dari Universiti Utara Malaysia (UUM), Universiti Sains Malaysia (USM), dan Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI). Hasil kajian mendapati kemahiran budaya dalam kalangan bakal guru membantu dalam melancarkan proses pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas yang terdiri daripada murid pelbagai etnik, mewujudkan hubungan baik di antara guru dan pelajar, membantu bakal guru mencungkil bakat atau kemahiran yang terpendam untuk diaplikasikan kepada murid yang terdiri daripada pelbagai latar belakang etnik dan budaya. Pengalaman semasa praktikum memainkan peranan penting dalam membantu meningkatkan kemahiran budaya bakal guru seterusnya kompetensi budaya dalam kalangan mereka. Oleh itu, pihak universiti atau institusi yang menawarkan program pendidikan haruslah memastikan bahawa penempatan pelajar bagi menjalani sesi praktikum haruslah ditempatkan di sekolah-sekolah yang terdiri daripada komposisi murid yang pelbagai etnik dan kelompok budaya bagi memastikan bakal guru memperoleh pengalaman yang kaya berkenaan pelbagai etnik yang seterusnya dapat meningkatkan kompetensi budaya dalam kalangan mereka.

Kata Kunci: Kemahiran Budaya, Kompetensi Budaya, Kepelbagaian Budaya, Kecekapan Budaya

Abstract: As a country with ethnic and cultural diversity, cultural competence is an essential aspect that pre-service teachers must possess to teach students from various cultural

backgrounds. Pre-service teachers need to have a high level of cultural competence so that each teaching and learning session in the classroom can engage students' interest and prevent bias, ultimately making classroom instruction more effective and responsive to the existing cultural diversity. This study aims to explore cultural skills among pre-service teachers as part of their preparation for teaching students from diverse ethnic and cultural backgrounds in the future. A qualitative approach was used through an in-depth interview method. The study involved in-depth interviews with ten final-year education students and six lecturers from Universiti Utara Malaysia (UUM), Universiti Sains Malaysia (USM), and Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI). The findings suggest that cultural skills among pre-service teachers help facilitate the teaching and learning process in classrooms with students from diverse ethnic backgrounds, foster good relationships between teachers and students, and help pre-service teachers explore hidden talents or skills to apply with students from various ethnic and cultural backgrounds. An important finding of this study is that the practicum experience plays a significant role in enhancing the cultural skills of pre-service teachers, thereby improving their cultural competency. Therefore, universities or institutions offering education programs should ensure student placements for practicum sessions are in schools with a diverse ethnic and cultural student composition. This will ensure that pre-service teachers gain rich experiences in dealing with various ethnicities, thus enhancing their cultural competence.

Keywords: Cultural Skills, Cultural Competence, Cultural Diversity, And Cultural Proficiency

1. Pendahuluan

Kepelbagaian etnik dan budaya di Malaysia merupakan elemen penting dalam sistem pendidikan. Di sekolah-sekolah, pelajar terdiri daripada latar belakang etnik dan budaya yang pelbagai, sekali gus menekankan keperluan untuk menyediakan bakal guru dengan pengetahuan, nilai dan perspektif serta kemahiran yang mencukupi berkaitan kepelbagaian budaya. Ini bagi memastikan mereka mampu mengurus dan mengajar pelajar dari pelbagai latar belakang dengan cara yang lebih efektif dan sensitif terhadap kepelbagaian budaya tersebut (Banks, 2017).

Menurut Sari dan Yuce (2020), guru mempunyai pelbagai masalah dalam konteks pengajaran terhadap pelajar daripada etnik dan budaya yang pelbagai. Guru masih kurang pengalaman, pengetahuan dan kemahiran dalam konteks kepelbagaian budaya untuk mengajar pelajar daripada etnik dan budaya yang pelbagai. Sikap guru terhadap pelajar daripada budaya berbeza memberi kesan negatif terhadap proses pengajaran dan pembelajaran pelajar di dalam kelas (Sari & Yuce, 2020). Hal ini menunjukkan guru masih tidak mempunyai pengetahuan dan kemahiran khusus untuk menguruskan proses pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas yang terdiri daripada pelajar pelbagai etnik dan budaya.

Kajian oleh Ali (2019) pula menunjukkan bahawa ramai guru meninggalkan profesion perguruan dalam tempoh yang singkat kerana kekurangan kemahiran untuk mengajar pelajar daripada budaya yang berbeza. Malah, guru sering menganggap bahawa latihan yang diberikan semasa Program Pendidikan tidak mencukupi, dan mereka kekurangan pengalaman praktikal dalam mengendalikan pelajar dari latar belakang budaya yang pelbagai. Kajian Kedzior (2021) mengesahkan bahawa kekurangan pengetahuan dan kemahiran budaya menyebabkan guru mengalami tekanan yang tinggi ketika mengajar di kelas yang mempunyai pelajar daripada budaya yang berbeza. Oleh itu, guru perlu mempunyai kompetensi budaya yang tinggi dan

kesediaan untuk menerima kepelbagaian budaya pelajar, terutamanya dalam konteks pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah (Kedzior, 2021).

Justeru, kajian ini bertujuan untuk meneroka kemahiran budaya yang merupakan asas penting kepada bakal guru sebagai asas persediaan dalam mengajar murid yang pelbagai etnik dan budaya. Fokus utama kajian ini adalah untuk menilai sejauh mana bakal guru yang sedang mengikuti program pendidikan di Universiti Awam di Malaysia dilengkapi dengan kemahiran budaya yang diperlukan untuk mengajar murid daripada pelbagai latar belakang etnik dan budaya.

2. Tinjauan Literatur

Kepelbagaian budaya adalah suatu prinsip yang menunjukkan dan membenarkan tentang perbezaan budaya antara kumpulan masyarakat yang berbeza adat, anutan, serta budaya masing-masing, yang tinggal dalam kelompok bersama dan mempunyai interaksi sesama mereka walaupun berlainan budaya dan agama (Eriksson & Hagg, 2016). Dalam konteks pendidikan, kepelbagaian budaya yang wujud dalam masyarakat memerlukan bakal guru untuk mempunyai kompetensi budaya yang tinggi untuk mengajar pelajar daripada etnik dan budaya yang pelbagai. Kompetensi budaya boleh ditakrifkan sebagai suatu kepercayaan, sikap, pengetahuan, dan kemahiran yang boleh disesuaikan untuk mengurus perbezaan budaya yang terdapat dalam sesuatu masyarakat pelbagai budaya (Bernhard et al., 2015; Douglas et al., 2018). Konsep kompetensi budaya merujuk kepada menghormati orang yang mempunyai latar belakang budaya yang berbeza dan mewujudkan serta memupuk suasana tanpa diskriminasi dalam masyarakat yang terdiri daripada pelbagai budaya (Gradellini et al., 2021).

Sebagai bakal guru yang akan mengajar pelajar daripada pelbagai budaya, kemahiran budaya adalah salah satu aspek penting yang perlu ada dalam kalangan bakal guru. Kemahiran budaya adalah tingkah laku yang menggambarkan interaksi yang sensitif terhadap budaya kumpulan yang pelbagai (Pope-Davis & Toporek, 2003). Menurut Berger et al. (2014), kemahiran budaya merujuk kepada keupayaan untuk melakukan penilaian terhadap sesuatu budaya yang berbeza. Kemahiran budaya ialah keupayaan untuk memahami dan menyesuaikan diri dengan situasi dan perspektif budaya yang berbeza. Individu yang mempunyai kemahiran budaya dapat menyesuaikan diri dengan budaya asing dan mempunyai pemikiran yang terbuka terhadap idea yang berbeza (Berger et al., 2014). Oleh itu, kemahiran budaya yang melibatkan keupayaan untuk memahami, menilai, dan menyesuaikan diri dengan kepelbagaian budaya adalah penting bagi memastikan interaksi yang sensitif dan efektif dengan pelajar daripada latar belakang budaya yang berbeza.

Menurut Wahab et al. (2018), kemahiran dalam memahami budaya lain sangat penting untuk menerapkan unsur kepelbagaian budaya ketika mengajar supaya kaedah pengajaran nampak lebih menarik dan guru dapat mengaitkan pengajaran dan pembelajaran dalam kelas dengan kepelbagaian budaya. Smolcic dan Katunich (2017) mendapati kelas yang mempunyai kepelbagaian budaya dalam kalangan pelajar memerlukan guru mempunyai kompetensi budaya yang lebih bagi meningkatkan kemahiran mengajar supaya dapat membantu guru untuk mengajar dengan lebih berkesan di dalam kelas. Menurut Povenmire-Kirk et al. (2015), untuk meningkatkan kemahiran guru ketika mengajar pelajar yang pelbagai budaya, guru perlu mempunyai matlamat yang jelas berkenaan kepelbagaian budaya. Guru perlu mempunyai set kemahiran mengajar yang sesuai dengan budaya pelajar yang pelbagai di dalam kelas kerana dapat membantu guru dalam menjayakan strategi yang sesuai ketika mengajar supaya dapat menarik minat pelajar (Povenmire-Kirk et al., 2015). Kemahiran memahami dan mengadaptasi

kepelbagaian budaya dalam pengajaran adalah penting bagi guru untuk mengajar dengan lebih berkesan, menarik, dan sesuai dengan keperluan pelajar yang berasal dari latar belakang etnik dan budaya yang berbeza.

Seterusnya, Tanase (2022), Herzog-Punzenberger et al. (2020), dan Tonbuloglu et al. (2016) menyatakan ketika di dalam kelas, guru yang mempunyai kemahiran budaya akan berkebolehan untuk menyesuaikan gaya pengajaran mereka dengan suasana kelas yang pelbagai budaya. Tonbuloglu et al. (2016) menyatakan guru yang mempunyai kemahiran budaya akan berkebolehan untuk menyesuaikan gaya pengajaran mereka dengan suasana kelas yang pelbagai budaya. Guru akan melihat keperluan khusus pelajar daripada pelbagai etnik dan budaya ketika sesi pengajaran bagi mempelbagaikan gaya pengajaran supaya pelajar berasa selesa di dalam kelas (Herzog-Punzenberger et al., 2020). Bakal guru dapat mengajar dengan efektif dalam kelas yang terdiri daripada murid yang pelbagai etnik dan budaya dengan mengembangkan kemahiran budaya yang kreatif. Ini termasuk menyesuaikan strategi pengajaran, menggabungkan perspektif kepelbagaian budaya, dan melaksanakan amalan pengajaran yang responsif terhadap kepelbagaian budaya murid (Parmigiani et al., 2022).

Kajian Martin-Beltran et al. (2023), Barnatt et al. (2020), Lehman (2017), dan Affolter (2017) mendapati pentingnya peranan program persediaan guru mendedahkan berkenaan budaya yang pelbagai kepada pelajar program pendidikan guru. Menurut Lehman (2017), kursus persediaan guru perlu mendedahkan dan mempersiapkan bakal guru dalam menghadapi kepelbagaian budaya supaya bakal guru dapat mengajar kelas yang terdiri daripada pelajar pelbagai etnik dan budaya dengan lebih kompeten. Menurut Barnatt et al. (2020), bagi persediaan bakal guru untuk mengajar pelajar daripada budaya yang pelbagai, Program Pendidikan perlu menyediakan pelbagai peluang dan pengalaman kepada bakal guru untuk meningkatkan kompetensi budaya dalam kalangan bakal guru. Affolter (2017) menyatakan bahawa Program Pendidikan yang melatih guru bukan sahaja perlu mengajar berkenaan penerimaan budaya yang berbeza, tetapi juga harus memberi pendedahan kepada bakal guru bagaimana kaedah dan kemahiran yang perlu digunakan untuk mengajar pelajar daripada pelbagai etnik dan budaya. Kajian Martin-Beltran et al. (2023) mendapati program penyediaan guru harus membenarkan bakal guru mempunyai lebih banyak masa dengan pelajar daripada pelbagai budaya supaya dapat menggunakan kemahiran budaya dan kreatif ketika pembelajaran di dalam kelas, dan bakal guru dapat lebih memahami isu-isu yang dihadapi oleh pelajar dan dapat mengelakkan persepsi yang negatif terhadap budaya yang berbeza.

Uibu dan Tagamets (2022), Wei et al. (2022), dan Oryan dan Ravid (2019) mendapati kemahiran budaya guru bergantung juga kepada pengalaman mereka terhadap kepelbagaian budaya. Kajian Uibu dan Tagamets (2022) mendapati guru yang tidak mempunyai pengalaman mengajar pelajar pelbagai budaya mempunyai pengetahuan dan kemahiran budaya yang rendah, berbanding guru yang mempunyai pengalaman terhadap budaya yang pelbagai. Kajian Wei et al. (2022) mendapati bahawa kemahiran budaya guru untuk mengajar pelajar daripada pelbagai budaya bergantung juga kepada pengalaman dan kecerdasan budaya guru. Oryan dan Ravid (2019) menyatakan pengalaman yang diperoleh daripada pembelajaran yang dipelajari semasa program pendidikan guru yang merangkumi pelbagai kursus dapat membentuk identiti bakal guru yang responsif dan dapat membantu bakal guru untuk mengajar dan berhadapan dengan persekitaran kepelbagaian budaya. Secara tidak langsung, kemahiran budaya bakal guru akan dapat ditingkatkan.

Berdasarkan Model Bongkah Ais oleh Spencer dan Spencer (1993) yang menjelaskan bahawa kompetensi budaya seperti sebuah bongkah ais yang mempunyai dua bahagian iaitu di

permukaan atas air dan di dasar laut. Gumpalan atau bongkah ais yang muncul di permukaan atas air adalah lebih kecil, menunjukkan perkara yang mudah dilihat dan boleh dikembangkan melalui program latihan perguruan, sedangkan yang terdapat di dasar laut adalah berupa bongkah atau gunung ais yang luas dan lebih besar iaitu komponen di bahagian dasar air seperti konsep sendiri, trait (sifat), dan motif.

Berdasarkan model ini, bahagian bongkah ais yang dapat dilihat merangkumi aspek kemahiran budaya iaitu perkara yang mudah dilihat yang merupakan elemen luaran dan tampak. Manakala bahagian bongkah ais yang tersembunyi mewakili unsur-unsur budaya yang lebih mendalam dan sukar dilihat seperti nilai, kepercayaan, corak pemikiran, dan persepsi, yang secara signifikan mempengaruhi bagaimana individu dari budaya yang berbeza berinteraksi dan memahami budaya yang pelbagai. Dalam konteks kemahiran budaya, bakal guru yang mempunyai pengalaman terhadap budaya yang pelbagai akan dapat membantu bakal guru untuk mengubah corak pemikiran terhadap budaya yang pelbagai. Pengalaman yang didapati daripada budaya yang berbeza dapat meningkatkan kemahiran budaya dalam kalangan bakal guru (Lesadmin, 2021).

3. Metodologi Kajian

3.1 Pendekatan Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif bagi meneroka kemahiran budaya dalam kalangan pelajar program pendidikan di universiti awam di Malaysia. Pendekatan kualitatif menurut Creswell (2018) merujuk kepada kaedah penyelidikan yang bertujuan untuk memahami dan meneroka pengalaman, pandangan, dan makna yang dibina oleh individu dalam konteks sosial mereka.

3.2 Persampelan

Informan dalam kajian ini melibatkan pelajar dan pensyarah. Teknik persampelan yang digunakan adalah teknik persampelan bertujuan. Persampelan bertujuan digunakan kerana dipercayai dapat mewakili objektif sesuatu penyelidikan berkaitan sesuatu fenomena yang dikaji (Bernard, 2011). Kaedah pensampelan ini paling popular digunakan dalam penyelidikan apabila penyelidik menentukan kriteria atau ciri informan kajian berdasarkan kepada tujuan kajian (Palinkas et al., 2015). Dalam kajian ini, kriteria informan kajian yang terlibat adalah pelajar tahun akhir program pendidikan yang telah selesai menjalani latihan praktikum dari universiti awam di Malaysia iaitu UUM, USM, dan UPSI dan pensyarah dalam bidang pendidikan di universiti yang terlibat. Seramai 10 orang pelajar dan 6 orang pensyarah terlibat dalam sesi temubual secara mendalam dalam kajian ini yang mana tahap ketepuan data telah dicapai. Creswell (2014) menyatakan bahawa kajian kualitatif sering melibatkan jumlah informan yang lebih kecil. Untuk kajian fenomenologi, seramai 5 hingga 10 orang sering dianggap mencukupi untuk memberi gambaran yang mendalam tentang pengalaman yang dikaji. Selain itu juga, pertimbangan jumlah informan dalam kajian ini juga adalah berdasarkan kepada tahap ketepuan data yang telah dicapai. Tahap ketepuan data berlaku apabila tambahan informan tidak lagi memberikan maklumat baru yang relevan atau signifikan kepada kajian. Setelah tahap ketepuan data tercapai, penyelidik boleh menghentikan pengumpulan data. Ini bermakna, data yang dikumpul sudah cukup untuk menganalisis tema-tema atau pola yang muncul (Creswell, 2014).

3.3 Pengumpulan Data

Kajian ini menggunakan kaedah temu bual separa berstruktur, yang membolehkan penyelidik meneroka fenomena yang dikaji dengan lebih mendalam dan terperinci. Melalui pendekatan ini, jawapan yang diberikan adalah bersifat terbuka dan bergantung kepada respons informan (Creswell, 2009). Dalam kajian kualitatif, penyelidik berfungsi sebagai instrumen utama dalam pengumpulan data. Untuk memastikan temubual berjalan dengan terarah dan fokus kepada permasalahan yang dikaji, penyelidik menggunakan protokol temubual sebagai panduan. Soalan-soalan yang dibangunkan adalah selaras dengan matlamat kajian, iaitu untuk meneroka kemahiran budaya dalam kalangan pelajar program pendidikan. Soalan-soalan ini dirancang dalam bentuk terbuka dan diikuti dengan soalan mencungkil, yang bertujuan untuk mendorong respon yang lebih mendalam daripada informan. Pendekatan ini dapat menghasilkan data yang lebih kaya dan bermakna dalam memahami kemahiran budaya yang diperoleh oleh pelajar program pendidikan sepanjang mereka mengikuti program latihan perguruan.

3.4 Kaedah Analisis Data

Kajian ini menggunakan analisis tematik. Analisis tematik digunakan bagi mengenalpasti pola atau untuk mengenalpasti tema melalui data yang telah dikumpulkan oleh pengkaji. Data kualitatif dalam kajian ini dianalisis berdasarkan kepada peringkat yang dicadangkan oleh Braun dan Clarke (2006) yang melibatkan beberapa langkah utama iaitu proses membiasakan diri dengan data, mengkod data, mengenal pasti tema, menilai kesesuaian tema, menamakan tema, mengintepretasi data dan menyediakan laporan.

4. Dapatan dan Perbincangan Kajian

Berdasarkan temubual yang dijalankan, informan menyatakan kemahiran budaya sebagai aspek penting yang perlu ada bagi bakal guru. Kemahiran ini membolehkan guru menyesuaikan gaya pengajaran mereka dengan pelajar dari pelbagai latar belakang budaya, memastikan pengajaran lebih efektif (Herzog-Punzenberger et al., 2020; Barnatt et al., 2020).

Dapatan kajian juga menunjukkan bahawa bakal guru juga mempelajari budaya lain semasa menjalani latihan praktikum. Ada di antara mereka, yang sebelum ini hanya berinteraksi dengan satu kaum, namun terdedah kepada pelajar dari pelbagai latar belakang etnik dan budaya ketika menjalani sesi latihan praktikum. Pengalaman latihan praktikum memberi peluang kepada bakal guru untuk berinteraksi dengan pelajar dari pelbagai etnik, memperkaya pemahaman mereka tentang kepelbagaian budaya (Kampen, 2020).

Walau bagaimanapun, informan melaporkan wujud cabaran dalam mengendalikan tingkah laku pelajar yang terdiri daripada pelbagai budaya dan etnik. Oleh itu, program pendidikan guru perlu memberi pendedahan tentang kaedah pengajaran yang sesuai untuk kelas berbilang budaya (Affolter, 2017; Lambeth & Smith, 2016). Kemahiran untuk memahami minat dan personaliti pelajar dari latar belakang yang berbeza juga penting bagi meningkatkan pencapaian akademik pelajar (Lehman, 2017). Martin-Beltran et al. (2023) mencadangkan program penyediaan guru harus menyediakan lebih banyak peluang kepada bakal guru untuk berinteraksi dengan pelajar dari pelbagai etnik dan budaya, supaya mereka dapat menggunakan kemahiran budaya dan kreativiti dalam pengajaran, serta lebih memahami isu yang dihadapi pelajar.

Dapatan kajian juga menunjukkan bahawa kemahiran budaya dapat membina hubungan yang baik antara guru dan pelajar. Pelajar lebih berminat untuk berkongsi cerita dengan guru, menjadikan suasana pengajaran dan pembelajaran lebih ceria dan menarik. Namun, informan

menekankan bahawa guru perlu tetap tegas bagi mengelakkan pelajar melampaui batas. Hubungan yang baik antara guru dan pelajar mampu melahirkan masyarakat yang kaya dengan nilai toleransi, penghormatan, dan persefahaman. Dapatan kajian oleh Tonbuloglu et al. (2016) menunjukkan bahawa guru yang memiliki kemahiran budaya dapat menyesuaikan gaya pengajaran mereka dengan suasana kelas yang berbilang budaya. Ini membolehkan guru mengenali keperluan khusus pelajar semasa proses P&P dan menjadikan pelajar lebih selesa (Forghani-Arani et al., 2019).

Informan juga menekankan pentingnya kreativiti dan kemahiran berinteraksi semasa proses pengajaran dan pembelajaran. Kajian oleh Tanase (2022) menunjukkan bahawa guru perlu menyesuaikan pengajaran mereka dengan memasukkan contoh yang relevan dengan minat pelajar, seperti muzik, sukan, media sosial, dan isu semasa. Ini menjadikan pembelajaran lebih menarik dan relevan. Oleh itu, kefahaman dan kemahiran budaya bakal guru adalah penting untuk menjadikan proses pembelajaran lebih menarik. Justeru, adalah penting untuk program persediaan guru memperkukuh latihan dan modul yang menggabungkan teori dan amalan dalam pengajaran di kelas yang pelbagai budaya, bagi memastikan proses pengajaran dan pembelajaran yang lebih berkesan (Timoštšuk et al., 2022).

Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa latihan praktikum memainkan peranan penting dalam membantu meningkatkan kemahiran budaya bakal guru seterusnya kompetensi budaya dalam kalangan mereka. Semasa mengikuti latihan praktikum, mereka dapat mempelajari budaya baru dan mengenali pelajar dari pelbagai latar belakang etnik, serta membantu mencungkil bakat dalam diri mereka serta mencuba pelbagai keadah pengajaran yang telah mereka pelajari semasa mengikuti program pendidikan. Akcaoğlu dan Arsal (2022) menyatakan bahawa program latihan guru perlu memberi peluang kepada bakal guru untuk terlibat dalam pengalaman lapangan dan pemerhatian di sekolah yang berbilang budaya. Pengalaman praktikal ini membantu mereka memahami isu-isu pelbagai budaya dan strategi pengajaran yang berkesan. Sebaliknya, informan menyatakan bahawa latihan praktikum di sekolah yang tidak mempunyai persekitaran murid yang pelbagai etnik dan budaya tidak membantu mereka dalam membina aspek kompetensi budaya yang diperlukan. Oleh yang demikian, adalah penting bagi memastikan bahawa sesi praktikum bagi bakal guru hanya melibatkan penempatan di sekolah yang terdiri daripada pelbagai etnik supaya bakal guru boleh memaksimumkan peluang untuk membina pengalaman terhadap kepelbagaian budaya dan membantu mereka memperkembang kompetensi budaya sebagai asas persediaan untuk mengajar di sekolah yang terdiri daripada pelbagai etnik dan budaya kelak.

5. Kesimpulan

Kemahiran budaya adalah elemen penting bagi bakal guru untuk mengajar murid dari pelbagai latar belakang etnik dan budaya. Latihan praktikum adalah fasa kritikal bagi bakal guru untuk mempraktikkan ilmu yang dipelajari, dan mereka perlu ditempatkan di sekolah yang mempunyai persekitaran pelbagai etnik dan budaya untuk membina pengalaman tentang kepelbagaian. Kajian menunjukkan latihan praktikum membantu bakal guru memahami kepelbagaian etnik dan budaya melalui interaksi langsung dengan murid. Bakal guru perlu menguasai strategi dan teknik pengajaran yang sesuai untuk meningkatkan keberkesanan pengajaran. Kemahiran budaya memudahkan interaksi antara budaya yang berbeza, membantu mengenal pasti potensi pelajar, dan meningkatkan pemahaman terhadap budaya lain. Oleh itu, pengembangan kemahiran budaya dalam latihan perguruan adalah penting yang perlu diberi perhatian dalam menghasilkan bakal guru yang mempunyai aspek kompetensi budaya yang

diperlukan sebagai asas persediaan untuk pengajaran yang efektif dan responsif terhadap kepelbagaian dalam bilik darjah kelak.

Penghargaan

Penulis ingin merakamkan penghargaan di atas penganugerahan Geran Penyelidikan Fundamental (FRGS), FRGS/1/2020/SS0/UNIMAP/02/4 daripada Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia.

Rujukan

- Affolter, E. A. (2017). "Staying Woke" on educational equity through Culturally Responsive Teaching. *ProQuestLLC*. http://search.ebscohost.com/login.aspx?direct=true&db=eric&AN=ED578342&site=ehost-live%0Ahttp://gateway.proquest.com/openurl?url_ver=Z39.882004&rft_val_fmt=info:ofi/fmt:kev:mtx:dissertation&res_dat=xri:pqm&rft_dat=xri:pqdiss:10289350
- Ahmad, A., & Jingga, N. (2015). Pengaruh kompetensi kemahiran guru dalam pengajaran terhadap pencapaian akademik pelajar dalam mata pelajaran Sejarah. *Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik, Bil 3(2)*, 1–11.
- Akcaoğlu, M. Ö., & Arsal, Z. (2022). The Effect of Multicultural Education on Preservice Teachers' Attitude and Efficacy: Testing Bank's Content Integration Dimension. *Participatory Educational Research, 9(2)*, 343–357. <https://doi.org/10.17275/per.22.44.9.2>
- Ali, A. S. (2019). Understanding Relationships Between Cultural Competency and Teacher Efficacy. *ProQuest Dissertations and Theses, January*, 150. http://simsrad.net.ocs.mq.edu.au/login?url=https://www.proquest.com/dissertations-theses/understanding-relationships-between-cultural/docview/2272260612/se-2?accountid=12219%0Ahttps://multisearch.mq.edu.au/openurl/MQ/MQ_SERVICE_S_PAGE?url_ver=Z39.88-2004&r
- Banks, J. A. (2017). *Citizenship Education and Global Migration: Implications for Theory, Research, and Teaching* (James A Banks (ed.)). American Educational Research Association. <https://doi.org/10.2307/j.ctv138wrq5>
- Barnatt, J., Andries D'Souza, L., Gleeson, A. M., Mitchell Viesca, K., & Wery, J. (2020). Intercultural Competence in Pre-Service Teacher Candidates. In *International Journal of Educational Reform* (Vol. 29, Issue 3). <https://doi.org/10.1177/1056787919896866>
- Berger, L. K., Zane, N., & Hwang, W. . (2014). Therapist ethnicity and treatment orientation differences in multicultural counseling competencies. *Asian American Journal of Psychology, 5(1)*, 53–65. <https://doi.org/https://doi.org/10.1037/a0036178>
- Bernard, H. (2011). *Research Methods in Anthropology: Qualitative and Quantitative Approaches*.
- Bernhard, G., Knibbe, R. A., von Wolff, A., Dingoyan, D., Schulz, H., & Mösko, M. (2015). Development and Psychometric Evaluation of an Instrument to Assess Cross-Cultural Competence of Healthcare Professionals (CCCHP). *PloS One, 10(12)*. <https://doi.org/10.1371/journal.pone.0144049>
- Cho, J., & Morris, M. (2015). Cultural study and problem-solving gains: Effects of study abroad, openness, and choice. *Journal of Organizational Behavior, 36*. <https://doi.org/10.1002/job.2028>
- Creswell, J. W. (2014). *Research Design: Qualitative, Quantitative, and Mixed Methods Approaches* (4th ed.). Sage Publications.
- Creswell, J. (2012). *Educational Research Planning: Planning, Conducting, and Evaluating Quantitative and Qualitative Research*.

- Creswell, J. W. (2018). *Research design: Qualitative, quantitative, and mixed methods approaches* (Fifth edit). Los Angeles: SAGE.
- Deardorff, D., & Arasaratnam-Smith, L. (2017). *Intercultural competence in international higher education* (pp. 294–302). <https://doi.org/10.4324/9781315529257-42>
- Douglas, M. ., Pacquiao, D., & Purnell, L. (Eds.). (2018). *Global Applications of Culturally Competent Health Care: Guidelines for Practice*. Springer International Publishing, Cham.
- Eriksson, S., & Hagg, C. (2016). *Cultural Diversity: How to Manage a Cross-cultural Workforce in a Global Organization-A study between India and Sweden*. <http://www.diva-portal.org/smash/get/diva2:954206/FULLTEXT01.pdf>
- Forghani-Arani, N., Cerna, L., & Bannon, M. (2019). *The Lives of Teachers in Diverse Classrooms*. 198, 1–49. <https://dx.doi.org/10.1787/8c26fee5-en%0A>
[http://www.oecd.org/officialdocuments/publicdisplaydocumentpdf/?cote=EDU/WKP\(2019\)6&docLanguage=En](http://www.oecd.org/officialdocuments/publicdisplaydocumentpdf/?cote=EDU/WKP(2019)6&docLanguage=En)
- Gradellini, C., Gómez-Cantarino, S., Dominguez-Isabel, P., Molina-Gallego, B., Mecugni, D., & Ugarte-Gurrutxaga, M. I. (2021). Cultural competence and cultural sensitivity education in University Nursing Courses: A scoping review. *Frontiers in Psychology*, 12(September), 1–13. <https://doi.org/10.3389/fpsyg.2021.682920>
- Groenewald, T. (2004). A Phenomenological Research Design Illustrated. *International Journal of Qualitative Methods*, 3(1), 42–55. <https://doi.org/10.1177/160940690400300104>
- Herzog-Punzenberger, B., Altrichter, H., Brown, M., Burns, D., Nortvedt, G. A., Skedsmo, G., Wiese, E., Nayir, F., Fellner, M., McNamara, G., & O’Hara, J. (2020). Teachers responding to cultural diversity: Case studies on assessment practices, challenges and experiences in secondary schools in Austria, Ireland, Norway and Turkey. *Educational Assessment, Evaluation and Accountability*, 32(3), 395–424. <https://doi.org/10.1007/s11092-020-09330-y>
- Kampen, M. (2020). *7 Ways to Support Diversity in the Classroom [With Examples]*. <https://www.prodigygame.com/main-en/blog/diversity-in-the-classroom/>
- Kedzior, J. (2021). *Self-Reported Multicultural Teaching Knowledge and Skills of School Professionals*. <https://thekeep.eiu.edu/theses/4883/%0Ahttps://thekeep.eiu.edu/cgi/viewcontent.cgi?article=5884&context=theses>
- Kim, Y., & Choi, M. (2020). Towards critical multicultural teacher education in the midst of ethno-nationalism: Korean pre-service teachers’ international learning experiences. *Teaching and Teacher Education*, 96, 103155. <https://doi.org/10.1016/j.tate.2020.103155>
- Lambeth, D. T., & Smith, A. M. (2016). Pre-service teachers’ perceptions of Culturally Responsive Teacher preparation. *The Journal of Negro Education*, 85(1), 46–58. <https://doi.org/10.7709/jnegroeducation.85.1.0046>
- Lehman, C. L. (2017). Multicultural competence: A literature review supporting focused training for preservice teachers teaching diverse students. *Journal of Education and Practice*, 8(10), 109–116. <https://files.eric.ed.gov/fulltext/EJ1139702.pdf>
- Lesadmin. (2021). *What Are the Benefits of Understanding Different Cultures?* <https://www.leselfes.com/understanding-different-cultures/>
- Martin-Beltran, M., Durham, C., & Cataneo, A. (2023). Preservice teachers developing humanizing intercultural competence during field-based interactions: Opportunities and challenges. *Teaching and Teacher Education*, 124. <https://doi.org/10.1016/j.tate.2022.104008>

- Merriam, S. ., & Tisdell, E. . (2016). *Qualitative Research: A Guide to Design and Implementation* (Jossey Bass (Ed.)). A Willey Brand.
- Oryan, S., & Ravid, R. (2019). The experiences of pre-service teachers delivering a study unit on multiculturalism, racism and prejudice. *Teaching and Teacher Education*, *86*, 102911. <https://doi.org/10.1016/j.tate.2019.102911>
- Palinkas, L. A., Horwitz, S. M., Green, C. A., Wisdom, J. P., Duan, N., & Hoagwood, K. (2015). Purposeful Sampling for Qualitative Data Collection and Analysis in Mixed Method Implementation Research. *Administration and Policy in Mental Health*, *42*(5), 533–544. <https://doi.org/10.1007/s10488-013-0528-y>
- Paric, M., Kaihlanen, A. M., Heponiemi, T., & Czabanowska, K. (2021). Nurse teacher's perceptions on teaching cultural competence to students in Finland: a descriptive qualitative study. *Nurse Education Today*, *99*(July 2020), 104787. <https://doi.org/10.1016/j.nedt.2021.104787>
- Parmigiani, D., Jones, S. L., Kunnari, I., & Nicchia, E. (2022). Global competence and teacher education programmes. A European perspective. *Cogent Education*, *9*(1). <https://doi.org/10.1080/2331186X.2021.2022996>
- Povenmire-Kirk, T., Bethune, L., Alverson, C., & Kahn, L. (2015). A Journey, Not a Destination: Developing Cultural Competence in Secondary Transition. *Teaching Exceptional Children*, *47*(6). <https://doi.org/10.1177/0040059915587679>
- Romijn, B. R., Slot, P. L., & Leseman, P. P. M. (2021). Increasing teachers' intercultural competences in teacher preparation programs and through professional development: A review. *Teaching and Teacher Education*, *98*, 1–15. <https://doi.org/10.1016/j.tate.2020.103236>
- Sari, M. H., & Yuce, E. (2020). Problems experienced in classrooms with students from different cultures. *Journal on Efficiency and Responsibility in Education and Science*, *13*(2), 90–100. <https://doi.org/10.7160/eriesj.2020.130204>
- Smolcic, E., & Katunich, J. (2017). Teachers crossing borders: A review of the research into cultural immersion field experience for teachers. *Teaching and Teacher Education*, *62*, 47–59. <https://doi.org/10.1016/j.tate.2016.11.002>
- Sutton, J., & Austin, Z. (2015). Qualitative Research: Data Collection, Analysis, and Management. *The Canadian Journal of Hospital Pharmacy*, *68*(3), 226–231. <https://doi.org/10.4212/cjhp.v68i3.1456>
- Tamuri, A. H., & Hussin, N. H. (2017). *Pendidikan Abad ke 21 Dalam Kepelbagaian Budaya: Cabaran dan Harapan multicultural View project Quran Education for Special Children: Teacher as Murabbi View project*. <https://www.researchgate.net/publication/320858903>
- Tanase, M. F. (2022). Culturally Responsive Teaching in Urban Secondary Schools. *Education and Urban Society*, *54*(4), 363–388. <https://doi.org/10.1177/00131245211026689>
- Timoštšuk, I., Uibu, K., & Vanahans, M. (2022). Estonian Preschool and Primary Teachers' Intercultural Competence as Shaped by Experiences with Newly Arrived Migrant Students. *Intercultural Education*, *33*(5), 540–557. <https://doi.org/10.1080/14675986.2022.2121105>
- Tonbuloglu, B., Aslan, D., & Aydin, H. (2016). Teachers' awareness of multicultural education and diversity in school settings. *Egitim Arastirmalari - Eurasian Journal of Educational Research*, *64*, 1–28. <https://doi.org/10.14689/ejer.64.1>
- Uibu, K., & Tagamets, E. (2022). *Promoting Teachers' Intercultural Competences for Teaching in the Diverse Classroom*. 177–181. <https://doi.org/10.36315/2022v2end038>
- Wahab, N. A., Nathan, P., Hasnida, N., Ghazali, C. M., Rabi, N. M., & Dawi, A. H. (2018). Teachers' Perspective on Cultural Diversity in School: A Case Studies. *International*

Journal of Academic Research in Progressive Education and Development, 7(3), 497–506. <https://doi.org/10.6007/ijarped/v7-i3/4568>

Wei, J. H., Lacaste, A. V., Rodliyah, I. N., Nguyen, H. T., & Chuang, H. H. (2022). Teachers' multicultural experience, creative teaching, and cultural intelligence: A study of four Asia–Pacific countries. *Thinking Skills and Creativity*, 46(April), 101144. <https://doi.org/10.1016/j.tsc.2022.101144>